

PETIKAN KURNIA SABDA
DULI YANG TERAMAT MULIA PADUKA SERI PENGIRAN MUDA 'ABDUL MATEEN
IBNI KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI
HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH

Penyalahgunaan dadah adalah salah satu isu sosial yang agak membimbangkan dan ianya boleh memberikan impak yang negatif kepada masyarakat sejagat.

Penyalahgunaan dadah boleh mencetuskan pelbagai anasir jenayah seperti isu-isu sosial, kesihatan, jenayah dan sebagainya. Sehingga boleh menjejaskan ketenteraman dan keselamatan masyarakat dan seterusnya, ianya juga boleh menjejaskan masa depan anak-anak muda kita ke arah yang tidak dihasratkan seperti, daripada kemahuan untuk berekreasi kepada ketagihan dadah.

Oleh itu, kita haruslah memastikan anak-anak muda kita sekarang mempunyai platform untuk mampu menahan atau mengelakkan diri mereka daripada anasir persekitaran penyalahgunaan dadah dan seterusnya memberikan persekitaran yang lebih positif kepada kehidupan mereka, seperti memiliki gaya hidup yang sihat dan positif.

Meskipun membanteras jenayah penyalahgunaan dadah adalah salah satu agenda terpenting di peringkat nasional dan ianya tidak boleh dilakukan secara silo, malah ianya adalah tanggungjawab seluruh lapisan rakyat dan penduduk di negara ini.

Kita haruslah menangani isu ini secara sepadu. Bersama-sama kita boleh menyediakan sokongan dan peluang yang sangat diperlukan untuk anak-anak muda kita bagi mewujudkan masa depan yang lebih selamat, sihat dan cerah.

PETIKAN KURNIA SABDA

**DULI YANG TERAMAT MULIA PADUKA SERI PENGIRAN MUDA 'ABDUL MATEEN
IBNI KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI
HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH**

Drug misuse is a problem which sadly, affects our community today.

It fuels criminality, making everyone less safe and it steals the futures of young people who follow a path that leads from recreation to addiction.

We must ensure young people are able to resist the pressures around drug misuse and embrace the positive alternatives.

Feeling the thrill of exercise and healthy living. Experiencing the fulfilment that comes from connections with family and friends.

Our national resilience against drug misuse is not a task for individuals alone; it is the duty of an entire nation.

We can fight this together and together we can provide the support and opportunities that young people need. Creating a safer, healthier and more promising future for everyone.

4 Rabiulakhir 1446 | 8 October 2024